



MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

1. (a) SKIM PERKHIDMATAN : ARKITEK LANDSKAP
- (b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
- (c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN
- (d) GRED : J9

2. JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,250.00	RM11,110.00	RM225.00

3. SYARAT LANTIKAN
 - 3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00).
4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU
 - 4.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. TARAF JAWATAN
 - 5.1 KONTRAK

CARA-CARA PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Pontian atau boleh dimuat turun di laman web: <http://www.mppn.gov.my>.
2. Borang permohonan hendaklah ditampal dengan sekeping gambar berukuran pasport dan disertakan dokumen-dokumen berikut yang telah diakui sah:-
 - 1.1 Ringkasan latar belakang pendidikan, pekerjaan dan penglibatan luar (Resume)
 - 1.2 Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran
 - 1.3 Salinan Sijil-Sijil Akademik (IJAZAH/DIPLOMA/STPM/SPM/PMR/PT3/UPSR)
 - 1.4 Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - 1.5 Salinan Lesen Memandu
 - 1.6 Gambar berukuran pasport terbaru.
 - 1.7 Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>
3. Pemohon bagi jawatan Gred 5 dan ke atas hendaklah disertakan dengan “video resume” sebagaimana berikut :-
 - i. Berdurasi tidak lebih dari 3 minit
 - ii. Menggunakan suara pemohon sebenar
 - iii. Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah :
 - Ringkasan latar belakang keluarga pemohon
 - Ringkasan pengalaman kerja pemohon
 - Pekerjaan / aktiviti terakhir atau semasa pemohon
 - Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon
 - Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon
 - Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau ‘NGO’
 - Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon
 - Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon
 - Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon
 - iv. Pemohon digalakkan menghasilkan ‘video resume’ yang unik dan kreatif. Semua ‘video resume’ hendaklah dihantar melalui e-mel kepada urusetia di alamat hrmppn5@gmail.com . Sila pastikan setiap video yang dihantar mempunyai nama, nombor kad pengenalan dan nama jawatan yang dipohon (rename).

4. Permohonan dari calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini.
5. Semua pemohon yang disenarai pendek perlu mengambil ujian-ujian yang berkaitan berdasarkan jawatan yang dipohon. Hanya calon yang layak dan melepasi ujian-ujian tersebut akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
6. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan kaunseling.
7. Borang permohonan jawatan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN
JALAN ALSAGOFF
82000 PONTIAN**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 10 MAC 2025

PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK :

1. Borang permohonan yang tidak lengkap.
2. Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
3. Tidak mengemukakan permohonan melalui ketua Jabatan bagi kakitangan kerajaan.
4. Borang permohonan diterima selepas tarikh tutup iklan.
5. Permohonan tidak memenuhi/ tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pontian